

12 JUL 1999

NUTE-Seleweng

NUTE MAHU DEDAH PENYELEWANGAN DALAM TELEKOM PADA PM

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-Pekerja Telekom Malaysia Berhad (NUTE) akan menghantar satu memorandum, yang akan "membongkar" penyelewengan yang didakwa berlaku dalam Telekom Malaysia, kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden NUTE Mohamed Shafie Mammal berkata memorandum itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri oleh beliau sendiri selewat-lewatnya minggu depan.

"Kita akan dedahkan antara penyelewengan dalam Telekom, biar beliau (Perdana Menteri) baca sendiri," katanya pada sidang berita di sini, hari ini.

Ketika diminta menjelaskan lebih lanjut mengenai memorandum itu, Shafie berkata, "Ia bukan satu senarai yang panjang tapi ada bukti yang cukup untuk membolehkan satu perubahan berlaku di dalam pengurusan Telekom."

NUTE juga akan menghantar memorandum itu kepada Menteri Kewangan Pertama dan Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

Shafie berkata NUTE juga akan meminta kerajaan menubuhkan badan juruaudit bebas bagi mengaudit secara terperinci perjalanan pentadbiran Telekom Malaysia dan beliau yakin "banyak perkara" yang akan ditemui.

Pada masa yang sama, NUTE turut melahirkan rasa kesal dan terkejut atas peletakan jawatan Datuk Ali Hassan sebagai pengerusi Telekom.

Beliau berkata pihak kesatuan terkejut dengan tindakan itu memandangkan Datuk Ali telah menjalankan tugasnya dengan baik dan mempunyai hubungan baik dengan lembaga pengarah Telekom serta mendapat sokongan padu dari 26,000 pekerja bukan eksekutif Telekom.

Shafie berkata sejak dilantik pengerusi Telekom pada Disember 1997, Ali telah membawa banyak perubahan bagi menstabil dan memperbaiki imej Telekom termasuk cuba membersihkan penyelewengan dalam syarikat itu.

Peletakan jawatan Ali, yang diumumkan Kementerian Kewangan Jumaat lalu, berkuatkuasa hari ini dan tempatnya diganti bekas Naib Presiden Kanan Regulasi dan Hal Ehwal Dalam Telekom, Md Radzi Mansor.

NUTE juga menggesa kerajaan menyiasat sumber berita laporan Asia Wall Street Journal (AWSJ), yang didakwa merupakan satu usaha untuk melaga-lagakan Ali dengan Pegawai Eksekutif Telekom Datuk Mohamed Said Mohamed Ali.

Laporan AWSJ menyatakan terdapat pertikaian antara Mohamed Said dan Ali mengenai beberapa isu pembiayaan sejak awal tahun ini, terutamanya mengenai pelaburan luar negara Telekom di Afrika Selatan dan Thailand.

Laporan itu, yang membuat spekulasi mengenai peletakan jawatan Mohd Said, turut menyatakan Ali akan dapat menguasai pengurusan Telekom dengan ketiadaan Mohamed Said kelak.

Mengenai pelantikan Md Radzi, Shafie berkata NUTE memberi sokongan terhadap perlantikannya dan berharap beliau tidak akan mengubah sebarang keputusan "baik" yang telah diputuskan Ali, sebelum ini.

--BERNAMA

MOT NAK